

**NO. SOALAN: 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9503**

**SOALAN:**

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [ Kangar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah Kementerian memandang serius akan kegiatan judi dalam media sosial seperti Facebook, WeChat dan sebagainya yang berada pada tahap yang amat membimbangkan dan apakah tindakan proaktif Kementerian sebagai usaha membendung kegiatan sedemikian daripada terus menular.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kegiatan sindiket mempromosikan aktiviti perjudian melalui media sosial seperti *Facebook, WeChat, WhatsApp, Short Message Service (SMS)* dan sebagainya mula dikesan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada pertengahan tahun 2015 yang lalu. Berkemungkinan sindiket ini telah menggunakan peranti khas yang dikenali sebagai "*Bulk SMS Frequency Spy*" yang boleh mengesan nombor telefon dan menghantar sehingga 30,000 SMS dalam tempoh satu jam dan jarak pengesanan adalah sejauh 2 kilometer (km). Modus Operandi yang digunakan oleh sindiket adalah menghantar SMS atau melalui *Whatsapp* secara rambang dan menunggu respon mangsa melalui telefon atau alamat web yang diberikan. Kebiasaannya, taktik yang digunakan untuk memancing pelanggan adalah dengan meletakkan gambar-gambar wanita cantik dan berpakaian seksi. Jika pelanggan menghubungi sindiket berkenaan, mereka diminta memberikan nama penuh dan akaun bank kononnya untuk memudahkan urusan pembayaran wang kemenangan.**

**Pelanggan boleh mengakses permainan judi serta bertaruh bermula serendah RM50 di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa menggunakan telefon bimbit, tablet, komputer riba dan komputer tanpa mengetahui dengan siapa mereka berurusan. Tiada perjumpaan fizikal dilakukan dengan pelanggan dan hanya menyedari ditipu selepas wang kemenangan mereka tidak dimasukkan ke dalam akaun, sementara wang pertaruhan lesap**

begitu sahaja. Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga percaya terdapat ramai kaki judi yang tertipu tetapi malu untuk tampil membuat laporan polis.

Pihak PDRM menghadapi kesukaran untuk membuktikan wujud elemen perjudian oleh pakar judi kerana tidak dapat menentukan identiti sebenar penganjur dan hubungannya dengan pelanggan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (ARJT) atas sebab-sebab berikut:-

- i) Nombor telefon dan butir-butir akaun didaftarkan atas nama warganegara asing;
- ii) Alamat yang diberikan tidak wujud;
- iii) Nombor telefon sentiasa ditukar;
- iv) Transaksi melibatkan banyak akaun, di mana akaun pelanggan memasukkan wang pertaruhan dan akaun untuk pembayaran adalah berbeza. Ini bertujuan untuk memutuskan "*chain of evidence*" transaksi pertaruhan;
- v) Pelanggan tidak dapat mengenal pasti penganjur kerana tiada perjumpaan fizikal antara mereka; dan
- vi) Pemilik akaun bank memberi alasan tidak mengetahui identiti mereka digunakan untuk membuka akaun berkenaan.

Bagi mengatasi masalah ini, PDRM dan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Multimedia Malaysia (SKMM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pembekal utiliti seperti Pihak Berkuasa Air dan Tenaga Nasional Berhad telah mengadakan beberapa siri

**perbincangan untuk meminda Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (ARJT).**

**Selain itu, untuk langkah jangka pendek PDRM telah bekerjasama dengan SKMM untuk menyekat laman-laman web yang mempunyai unsur perjudian. PDRM juga sedang mengumpul maklumat mengenai kemungkinan penglibatan pihak-pihak tertentu yang menjual maklumat nombor telefon pelanggan kepada sindiket.**

**Pihak polis akan sentiasa berusaha keras untuk membendung kegiatan perjudian haram sehingga ke akar umbi. Namun segala usaha ini tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa penglibatan daripada masyarakat dalam menyalurkan maklumat. Peranan ibu bapa amat penting dalam mengawal anak-anak mereka supaya tidak terlibat dengan aktiviti ini. Orang ramai perlu menghindari aktiviti yang tidak sihat ini yang mempertaruhkan nasib untuk memperoleh keuntungan yang mudah. Aktiviti perjudian akan terus wujud jika ada permintaan daripada pemain.**